

Konsep Hadhari diterima dunia Islam

Pendekatan dianggap anjakan paradigma baru majukan ummah dalam era globalisasi

Oleh Hasliza Hassan

B-H m/s 11
3/8/07

KETIKA segelintir rakyat negara ini masih meragui pendekatan Islam Hadhari, ulama dunia Islam memperakukan pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan di negara ini cukup sesuai bagi membangunkan masyarakat dan tamadun negara Islam.

Pendekatan Islam Hadhari menekankan nilai pembangunan sejagat sama sekali tidak bercanggah dengan konteks masyarakat majmuk. Secara mudah, ia membawa makna kemajuan dan pembangunan yang dikaitkan dengan kebudayaan, peradaban dan tamadun.

Tamadun Islam pula merangkumi pencapaian manusia dalam bidang kerohanian dan kebendaan yang bersandarkan akidah, syariah dan akhlak, bersumberkan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata resolusi Persidangan Akademi Fikah Islam Antarabangsa (IIFA) ke-18 baru-baru ini bersetuju sebulat suara pendekatan Islam Hadhari yang dikemukakan Malaysia bertepatan kehendak Islam berseaskan al-Quran dan sunnah

tonggak Islam Hadhari dan mengupas ciri yang dapat dilihat daripada pendekatan Islam Hadhari.

Katanya, ternyata selepas membincangkan kertas kerja itu, persidangan berpendapat tidak ada sebab untuk mengatakan ia tidak tepat, sama ada dari segi istilah, teori atau praktikal kerana pendekatan Islam Hadhari merangkumi semua aspek.

“Kita juga jelaskan cabaran dihadapi pendekatan Islam Hadhari antaranya kejumudan masyarakat Islam daripada segi buta huruf, kemiskinan dan cabaran pelampau. Malah, kita juga tidak melihat perlunya ekonomi, ilmu dan pengurusan terbaik.

“Bagi tujuan itu, kita tunjukkan contoh pembangunan ekonomi, kemajuan masyarakat dan perkongsian kuasa diamalkan Malaysia menerusi pendekatan Islam Hadhari supaya dapat dijadikan panduan,” katanya.

Pendekatan Islam Hadhari adalah pendekatan anjakan paradigma untuk mengubah persepsi ummah terhadap ajaran Islam dan mengembalikan umat Islam kepada asas menurut al-Quran dan Sunnah sebagai teras pembinaan tamadun.

Islam Hadhari tidak sedikit pun mengurangkan prinsip akidah, syariat dan akhlak dalam ajaran Islam. Malah, menekankan

Islam dan pada masa sama mampu menyatukan umat Islam serta manusia sejagat tidak kira agama, bangsa atau keturunan.

Beliau berkata, pendekatan Islam Hadhari juga dilihat sebagai peluang bagi umat Islam menyebarkan risalah kemanusiaan dan menyumbang kepada keselamatan dunia daripada kezaliman dan penguasaan kebendaan semata-mata.

Di samping itu, pendekatan Islam Hadhari boleh menjamin dunia Islam keluar daripada cengkaman penjajah dan keciciran selain mencegah serta menghapuskan fanatik agama dan pelampau.

Resolusi persidangan turut membincangkan idea dan gagasan dikemukakan Per-


dana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai pembangunan modal insan berteraskan ilmu pengetahuan, kemahiran, ketrampilan dan agama.

Persidangan berpendapat gagasan itu perlu dilaksanakan dalam masyarakat dan negara Islam kerana bertepatan kehendak Allah dan Rasul-Nya serta tugas manusia sebagai khalifah memandangkan manusia adalah pencetus kepada tamadun dan rekalah pengguna tamadun.

Sesuatu masyarakat atau negara tidak mungkin boleh membangunkan tamadun bermanfaat jika tidak mempunyai modal insan yang memiliki ciri diperlukan termasuk golongan wanita yang menjadi sebahagian faktor penting menjayakan perancangan, pembinaan serta pengurusan.

Abdul Shukor berkata, lebih membanggakan, persidangan turut memberi perakuan khusus kepada kertas kerja yang direkodkan dalam deklarasi Persidangan Akademi Fikah Islam Antarabangsa (IIFA) ke-18 untuk dijadikan rujukan.

Malah katanya, peserta meminta Malaysia mengadakan muktamar susulan yang khusus menjemput pemimpin tertinggi negara dan cendekiawan Islam negara OIC bagi mendalamkan kefahaman pelaksanaan



asaskan al-Quran dan sunnah.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan berkata, persidangan yang dihadiri 150 peserta mewakili 57 negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) terdiri daripada mufti dan ulama itu berpendapat, pendekatan Islam Hadhari adalah amalan terbaik memajukan umat Islam daripada sudut fizikal, spiritual dan ketamadunan.

“Kita mendapat pandangan ulama dan tokoh dunia Islam seperti Yusuf Qardawi dan Mufti Mesir yang membincangkan kertas kerja dibentangkan Malaysia dan menerima pendekatan Islam Hadhari sebagai model untuk dilaksanakan pada masa ini.

“Berdasarkan perakuan diberi Akademi Fikah Islam Antarabangsa sebagai badan tertinggi syariah dalam OIC ini, kita berpendapat tidak ada sebab hendak mempertikaikan pendekatan Islam Hadhari kerana yang memperakukan adalah pandangan ulama bukan pandangan politik,” katanya.

Pada Persidangan Akademi Fekah Islam Antarabangsa (IIFA) ke-18 yang berlangsung dari 9 hingga 15 Julai di Putrajaya, Malaysia membentangkan dua kertas kerja bertajuk Manhaj Islam Hadhari Sebagai Satu Model dan Pembangunan Modal Insan.

Abdul Shukor yang membentangkan kertas kerja Manhaj Islam Hadhari Sebagai Satu Model dalam bahasa Arab berkata, peserta persidangan melihat isi kandungan kertas kerja itu sebagai bahan ilmiah dan apakah ia menepati kehendak Islam.

Beliau berkata, isi kandungan kertas kerja itu memberi penjelasan mengenai pendekatan dan perancangan Islam Hadhari, 10


dalam ajaran Islam. Malah, menekankan penghayatan Islam yang syumul, menyeluruh dan realistik bagi menterjemahkan agama dalam kehidupan.

Ia jelas dilihat daripada 10 konsep Islam Hadhari iaitu keimanan dan ketakwaan kepada Allah, kerajaan yang adil dan amanah, rakyat berjiwa merdeka dan penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti, pembelaan hak kumpulan minoriti, keutuhan budaya dan moral, pemuliharaan alam semula jadi dan kekuatan pertahanan.

Pendekatan Islam Hadhari membuktikan bahawa ajaran Islam dapat mendorong penganutnya menjadi umat yang maju bagi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Ia juga untuk membuktikan keupayaan Malaysia sebagai negara Islam contoh yang sentiasa mengamalkan prinsip kesederhanaan sesuai dengan tuntutan agama Islam, selaras dasar negara yang dilaksanakan masa kini dan akan dicapai pada masa depan seperti Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Negara.

Dalam mengetengahkan Islam Hadhari, ilmu menjadi asas utama kerana ilmu mempunyai kedudukan tertinggi sehinggakan mempelajarinya menjadi fardu kepada umat Islam.

Abdul Shukor berkata, melihat kepada konsep Islam Hadhari yang menyeluruh untuk kebaikan seluruh rakyat dan negara, persidangan bersetuju menerima Islam Hadhari sebagai pendekatan yang sesuai bagi menyelesaikan cabaran dihadapi umat



“ *Berdasarkan perakuan diberi Akademi Fikah Islam Antarabangsa sebagai badan tertinggi syariah dalam OIC, kita berpendapat tidak ada sebab hendak mempertikaikan pendekatan Islam Hadhari kerana yang memperakukan adalah ulama bukan pandangan politik*

Abdul Shukor Husin
Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)

bagi mendalamkan kefahaman melaksanakan 10 konsep pendekatan Islam Hadhari.

“Kertas kerja yang dibentangkan direkod dalam deklarasi 163 18/1 mengenai Islam Hadhari dan 163 18/2 pembangunan sumber manusia. Apabila direkodkan, maknanya kertas kerja itu boleh dijadikan rujukan di mana-mana persidangan,” katanya.

Katanya, Malaysia dengan kerjasama pihak akademi turut mengemukakan resolusi supaya diadakan gerakan dan penjelasan secara teori serta amali bagi memastikan pembangunan modal insan di negara Islam berjalan lebih pantas bagi menghadapi dunia tanpa sepadan sekarang ini.

Melihat kepada maklum balas positif yang diberi peserta terhadap pendekatan Islam Hadhari, Abdul Shukor yang turut dilantik sebagai Naib Presiden pertubuhan itu bagi mewakili kumpulan Asia berharap selepas ini tidak akan ada lagi pihak menimbulkan perkara remeh membabitkan pendekatan Islam Hadhari seperti isu istilah atau khurafat.

Beliau berkata, umat Islam berhadapan dengan dunia global dan tidak boleh menghadapi masyarakat global kecuali dengan wujud pertahanan kuat menerusi penguasaan ilmu pengetahuan serta daya saing kuat seperti diusahakan menerusi pendekatan Islam Hadhari.

Apa yang penting sekarang ialah bekerja membangunkan masyarakat Islam dan memperkukuhkan ekonomi, ilmu selain ke-trampilan dan kemahiran kerana ia menjadi modal sebenar bagi membangunkan masyarakat Islam.